



*ISTANA ALAM SHAH
KLANG.*

**TITAH UCAPAN
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR
DI MAJLIS ISTIADAT PENGURNIAAN
WATIKAH PELANTIKAN NAZIR DAN IMAM
MASJID-MASJID DI NEGERI SELANGOR
TAHUN 2023M /1444H
KHAMIS 2 MAC 2023, DI BALAIRUNG SERI,
ISTANA ALAM SHAH, KLANG.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir rahmanir rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat daripada Nya juga, Beta dapat berangkat ke majlis Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Nazir dan Imam masjid di Negeri Selangor tahun 2023 Masihi bersamaan 1444 Hijrah.

Di kesempatan ini Beta ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua Nazir dan Imam-Imam masjid di Negeri Selangor yang telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi sesi bermula 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025. Beta difahamkan bahawa semua Nazir dan Imam-iman terpaksa melepasi beberapa proses temuduga dan tapisan yang sangat teliti oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan MAIS.

Dengan adanya proses pelantikan yang ketat dan teliti ini, Beta menaruh keyakinan bahawa Nazir dan Imam yang ada di hadapan Beta ini adalah terdiri daripada individu yang memiliki pengetahuan agama yang tinggi, mempunyai akhlak yang baik serta mampu menunjukkan kepimpinan yang berintegriti. Beta berharap amanah yang diberikan ini dapat dilaksanakan dengan baik bagi membimbing ahli-ahli kariah masing-masing untuk menjadi ummah yang berjaya di dunia dan di

akhirat. Beta juga berkenan agar semua Nazir dan Imam masjid di Negeri Selangor dapat memastikan peranan masjid sebagai pusat beribadat umat Islam dan pusat keilmuan, pusat dakwah serta pusat kemasyarakatan umat Islam.

Masjid perlu ditadbir dengan lebih profesional dan sistematik agar berupaya menjadi pusat aktiviti masyarakat setempat, sumber ilmu, merencanakan pembangunan sosio ekonomi serta menjadi *platform* penting penyatuan dan perpaduan ummah. Nazir, Imam serta jawatankuasa masjid mestilah berusaha bersungguh-sungguh dan sentiasa mempunyai niat yang ikhlas untuk menarik umat Islam terutama ahli-ahli kariah untuk hadir dan mendekati masjid.

Beta selaku Ketua Agama Islam di negeri ini, amat mengambil berat tentang pentingnya perpaduan dan persaudaraan umat Islam di Negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, Beta berkenan, masjid dijadikan asas dan medium utama masyarakat Islam untuk bersepakat tanpa mengira perbezaan pangkat, kedudukan, perbezaan pandangan dan fahaman politik masing-masing.

Beta amat tidak berkenan masjid dijadikan medan politik dan propaganda politik kepartian. Masjid hendaklah menjadi tempat yang bebas dari sebarang pengaruh dan elemen politik kepartian. Masjid tidak seharusnya menjadi tempat membina jurang pemisah atas dasar perbezaan fahaman politik dan dendam politik. Kuliah-kuliah agama yang dijalankan di masjid-masjid tidak sepatutnya dijadikan sebagai platform untuk menghina, mengumpat, menfitnah dan mencaci mana-mana pihak. Jika perkara ini berlaku ia akan menyebabkan persengketaan berpanjangan dan akan merosakkan ikatan persaudaraan sesama umat Islam.

Menyedari kesan negatif kepada perpaduan umat Islam khususnya di negeri Selangor ini, Beta telah menitahkan Pengerusi MAIS dan Pengarah JAIS agar tidak membenarkan orang-orang politik untuk menjadikan masjid dan surau sebagai pentas ceramah politik. Program memakmurkan masjid seperti kuliah, ceramah dan tazkirah hanya boleh disampaikan oleh mereka yang mempunyai tauliah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tauliah MAIS. Malah penceramah-penceramah luar negara pun hanya diberi kebenaran untuk menyampaikan kuliah, ceramah dan tazkirah di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri) Shah Alam, Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong, Masjid Diraja Sultan Sulaiman Klang dan Masjid Raja Haji Fi Sabilillah Cyber Jaya sahaja.

Dalam hal ini Beta menitahkan para Nazir untuk memperuntukkan sebahagian dari kewangan masjid untuk menyediakan kelengkapan teknologi

maklumat (ICT) yang boleh merekod dan memantau semua aktiviti ceramah. Kelengkapan ICT ini, akan turut memberi manfaat kepada pihak masjid dan ahli kariah kerana setiap perjalanan ceramah boleh dibuat secara *live* atau atas talian yang boleh dikongsi oleh mereka yang tidak hadir dan yang lebih penting mudah untuk dipantau dan dirujuk semula apabila diperlukan.

Dalam era komunikasi digital, penggunaan teknologi tinggi dan data digital amat diperlukan. Melalui teknologi ini, masjid boleh berfungsi dengan lebih baik sebagai pusat maklumat yang boleh membekal data kepada semua agensi agama seperti MAIS, JAIS, Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Kebajikan Masyarakat, ahli kariah serta pihak-pihak yang lain.

Melalui penggunaan teknologi ini juga, MAIS boleh memantau dan menyemak laporan kewangan

semua masjid dan surau dengan kaedah *online*. Ini boleh mengelakkan berlaku penyelewengan dalam pengurusan kewangan masjid dan surau di negeri ini.

Beta turut ingin menasihatkan kepada semua Nazir dan Imam masjid agar dapat mentadbir masjid dengan cekap, efisien, telus dan profesional. Sebarang keputusan yang diambil oleh Nazir serta jawatankuasa hendaklah mengikut undang-undang dan peraturan serta titah Beta. Kegagalan mematuhi segala peraturan dan titah Beta membolehkan tindakan penguatkuasaan undang-undang dikenakan terhadap mereka yang bertanggung-jawab.

Beta sekali lagi mengharap dan menasihatkan agar para pegawai masjid khususnya Nazir dan Imam agar terus memelihara kemuliaan institusi masjid dari dicemari oleh elemen yang boleh merosakkan

akidah, perpaduan dan kesatuan ummah. Jadikanlah masjid tempat yang paling dihormati dan asas membina kesatuan umat Islam sepertimana dilakukan oleh Rasulullah Sallahu Alaihi Wassalam ketika di Masjid Quba'. Carilah semua titik penyatuan dan bukan titik perpecahan. Beri keutamaan kepada perkara asas dan bukan perkara yang remeh.

Akhirnya, Beta doakan agar usaha para Nazir, Imam dan jawatankuasa Masjid dalam melaksanakan amanah dengan jujur dan ikhlas akan mendapat keberkatan dan rahmat Allah. Semoga kita semua mendapat petunjuk dan hidayah yang berkekalan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal-Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.